



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

KDYMM SERI PADUKA BAGINDA YANG DI PERTUAN AGONG BERCEMAR DULI KE PROGRAM LABUAN BERSELAWAT DAN PROGRAM ILMIAH HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2018

LABUAN, 9 Februari 2018 – KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V hari ini berkenan bercemar duli ke Program Labuan Berselawat dan Program Ilmiah Hari Wilayah Persekutuan yang diadakan di Dewan Konvensyen Ujana Kewangan, Wilayah Persekutuan Labuan.

Program di bawah kluster ilmiah dan kerohanian ini merupakan penganjuran kali ketiga dilaksanakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan bersempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan. Tujuan penganjuran program seperti ini diadakan bagi menerap dan memperkukuhkan penghayatan dan amalan pendidikan Islam dalam kalangan warga Wilayah Persekutuan yang mana ia memberi fokus kepada dua aspek utama iaitu al-Quran dan ibadah. Program ini juga dapat mendidik kerohanian warga Wilayah Persekutuan supaya meningkatkan kesejahteraan kehidupan bertepatan dengan tema Hari Wilayah Persekutuan iaitu Wilayah Ceria Rakyat Sejahtera.

Program Labuan Berselawat ini dimulai dengan bacaan Asmaul Husna, doa serta qasidah dan selawat ke atas Nabi Muhammad S.A.W. dari kumpulan nasyid tempatan iaitu Alfurqan, Tahfiz Al Quran Al Badr, Tahfiz Al Quran Sri Merinding dan Tahfiz Quran Al Ummi serta 5,000 warga WP Labuan.

Topik “Melahirkan Wilayah Baldatun Thoyyibatun” (negeri yang baik) menjadi fokus utama Program Ilmiah SHWP 2018. Sahibus Samahah Datuk Dr. Zulkifli Bin Mohamad A Bakri, Mufti Wilayah Persekutuan dan Dato’ Badli Shah bin Alaudin, pendakwah terkemuka negara adalah panel jemputan yang dijemput untuk mengupas topik “negeri yang baik” pada malam ini dan dibantu oleh Ustaz Ahmad Shahrizal bin Saffian yang bertindak sebagai moderator.

Harapan Kementerian Wilayah Persekutuan agar pembangunan Wilayah Persekutuan baik di Kuala Lumpur, Putrajaya mahupun Labuan tidak hanya tertumpu kepada kerancangan pembangunan fizikal semata-mata tetapi turut seiring dengan kelestarian dan pembangunan sahsiah warganya. Melalui penganjuran program-program ilmiah dan kerohanian sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan ini, dapatlah kita semua khususnya warga Wilayah Persekutuan Labuan menambah ilmu pengetahuan seterusnya meningkatkan akhlak yang mulia dalam diri masing-masing.

Disediakan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat

Kementerian Wilayah Persekutuan